

# Khalil sedia jumpa Fauzi

UM 31 MAR 2001

KUALA PILAH 30 Mac  
— Setiausaha Agung  
UMNO, Tan Sri Khalil  
Yaakob sedia bersemu-  
ka dengan Ahli Dewan  
Undangan Negeri Ka-  
wasan Beserah, Datuk  
Fauzi Abdul Rahman  
mengenai dakwaan beli-  
au terbabit dengan pen-  
yelewengan sumber ba-  
lak semasa menjadi  
Menteri Besar Pahang.

Beliau, bagaimana-  
pun, enggan memberi  
sebarang komen mende-  
ngani dakwaan itu kerana  
ia melibatkan dirinya  
sendiri.

“Oleh kerana saya  
yang terlibat, ulasannya  
lebih baik datangnya da-  
ri pihak atasan,” kata-  
nya kepada pemberita  
semasa majlis perjum-  
paan tertutup Perdana  
Menteri, Datuk Seri Dr.  
Mahathir Mohamad de-  
ngan pemimpin UMNO  
Bahagian Kuala Pilah  
dan Tampin, di sini hari  
ini.

## Penyelewengan

Khalil mengulas lapo-  
ran polis yang dibuat  
oleh Fauzi mendakwa  
beliau terlibat dengan  
penyelewengan kewang-  
an semasa menjadi Men-  
teri Besar Pahang.

Tegas Khalil, beliau  
belum mendapat lapor-  
an akhir mengenai dak-  
waan tersebut tetapi se-  
dia bersemuka bagi  
membincangkan perka-  
ra sebenarnya yang di-  
dakwa itu.

“Kalau saya jumpa  
Fauzi, saya akan berta-  
nya dia. Insya-Allah,” te-  
gasnya ketika ditanya  
mengenai perasaan beli-  
au mengenai dakwaan  
yang dibuat oleh Ketua  
UMNO Bahagian Kuan-  
tan itu.